

Aplikasi Kata Pinjaman Arab dalam Teks Pembelajaran dan Kesannya Terhadap Penguasaan Bahasa Arab

Mohd Zuhir bin Abd Rahman, Ph.D¹, Shamsul Jamili bin Yeop, Ph.D²

¹(Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Malaysia)

²(Department of Arabic Language and Literature, International Islamic University Malaysia, Malaysia)

ABSTRAK: *Kajian ini bertujuan menganalisis kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu yang diaplikasi dalam buku teks Bahasa Arab Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sebagai bahan pembelajaran utama di sekolah. Penggunaan kata pinjaman Arab mempunyai peranan dan perkaitan yang penting dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Arab pelajar khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Pendekatan kuantitatif melalui kaedah analisis kandungan bertujuan menganalisis kata pinjaman Arab dan kajian lapangan digunakan bertujuan untuk menganalisis kesan penggunaan kata pinjaman Arab terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar. Data analisis kandungan diambil daripada buku teks tingkatan tiga, manakala kajian lapangan melalui soal selidik yang dilaksanakan terhadap 50 orang guru sekolah menengah sebagai responden kajian. Kajian ini mengaplikasi prinsip “Pembentukan Kata Bahasa Melayu” oleh Asmah Haji Omar (1991) bagi mengenal pasti kata pinjaman Arab dalam buku teks Bahasa Arab. Berdasarkan prinsip ini, sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu terbentuk melalui kata pinjaman Arab. Kata pinjaman daripada bahasa Arab merupakan kumpulan yang terbesar dalam kata-kata yang dibawa dari luar alam Melayu. Dapatan kajian telah mengenal pasti satu pendekatan pembelajaran bahasa Arab yang berasaskan kepada kata pinjaman Arab dalam usaha mempertingkatkan penguasaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia*

KATA KUNCI - *Bahan pembelajaran, kata pinjaman Arab, pembelajaran bahasa Arab, penguasaan bahasa Arab, pendekatan pembelajaran Arab.*

1. PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan satu bidang bahasa yang sangat penting khususnya kepada umat Islam di Malaysia. Hal ini demikian kerana Islam merupakan Agama Persekutuan Malaysia seperti yang termaktub di dalam Bab 3 perlembagaan negara Malaysia. Bahasa Arab mempunyai pengaruh yang besar dalam bahasa Melayu semenjak tahun 1400 masihi, iaitu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka di bawah pemerintahan Parameswara. Hal ini merujuk kepada pandangan Zainur Rijal dan Rosni Samah (2007) berdasarkan kepada sejarah, bahasa Melayu telah dipengaruhi oleh bahasa Arab yang dianggap sebagai pengaruh yang terbesar dalam perkembangan perbendaharaan kata bahasa Melayu [1].

Bahasa Arab mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan bahasa Melayu. Bahasa Melayu telah banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu yang dibawa oleh para pedagang Arab. Bahasa Melayu begitu mudah dipengaruhi oleh bahasa Arab kerana ia merupakan bahasa al-Quran dan peranan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam penyebaran agama Islam, manakala masyarakat Melayu pula begitu sinonim dengan agama Islam. Menurut Abdul Rahman Chik (2006) dalam Wan Salsa Billa (2008), beliau menjelaskan bahawa antara faktor utama peminjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu adalah disebabkan oleh tersebarnya agama Islam di Alam Melayu [2]. Hakikat ini berlaku adalah disebabkan terdapat banyak perkataan Arab yang digunakan oleh masyarakat Melayu Islam dalam kehidupan seharian, terutama perkataan-perkataan yang mempunyai perkaitan dengan istilah keagamaan. Justeru, tidak hairanlah bahasa Arab mempunyai pengaruh yang sangat luas terhadap bahasa Melayu melalui kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Arab. Menurut Muhammad Abdul Jabbar Beg dalam Pabiyah dan Kamariah (2010) terdapat sejumlah 2,150 perkataan daripada Kata Pinjaman Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu yang meliputi pelbagai aspek dan bidang, seperti istilah agama, kata nama, dan kata kerja [3].

Kesan yang ditinggalkan oleh bahasa Arab telah mempengaruhi sesuatu bahasa dari aspek kosa kata, sistem sebutan dan penulisan, serta turut sama mempengaruhi bidang kesusasteraan. Menurut Azhar

Muhammad (2008), fenomena ini juga turut berlaku kepada bahasa dan kesusasteraan Melayu apabila Islam atau bahasa Arab mula bertapak di alam Melayu. Antara aspek pertalian yang rapat di antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu ialah dari segi penggunaan huruf dalam penulisan. Bahasa Melayu di tulis dengan menggunakan tulisan Jawi, dan tulisan Jawi adalah menggunakan huruf hijaiyyah Arab dengan penambahan beberapa huruf yang tidak terdapat dalam huruf hijaiyyah Arab [4].

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu, kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu mempunyai kepentingan dan kesan yang besar kerana ia mengandungi warisan budaya daripada bahasa Arab. Warisan itu meliputi aspek keagamaan, adat, budaya, peraturan, dan sebagainya. Secara tidak langsung kata pinjaman itu juga menggambarkan kepada kita betapa rapatnya hubungan Melayu dan Arab yang telah terjalin sejak lama dahulu, iaitu sejak kurun ke-13 lagi. Kepentingan perkataan pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dikaitkan dengan pengalaman bahasa yang merupakan elemen penting yang patut diambil kira semasa proses penggubalan kurikulum bahasa Arab. Pengalaman bahasa yang dimaksudkan itu cukup befaedah untuk dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar Melayu. Selain daripada itu, kata pinjaman juga merupakan rangkaian pengalaman yang dilalui oleh bahasa Melayu dalam perkembangannya sehingga hari ini yang perlu diberi perhatian dalam kajian kebahasaan.

Rushdi Ahmad Tu'aimah, (1989), menjelaskan bahawa secara umumnya perkara yang sering ditimbulkan dalam bidang pembelajaran bahasa kedua, ialah isu penggunaan bahasa perantaraan (اللُّغَةُ الْوَسِيطَةُ) dan tahap keperluan bahasa tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Bahasa perantaraan yang dimaksudkan dalam konteks program pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua ialah bahasa-bahasa yang digunakan selain daripada bahasa Arab. Bahasa perantaraan ini digunakan oleh guru atau pengajar bagi tujuan membantu pelajar menguasai kemahiran berbahasa dalam pembelajaran bahasa Arab. Bahasa perantaraan ini boleh terdiri daripada "bahasa ibunda" dalam kalangan pelajar, dan kadang kala terdiri daripada bahasa kedua (bahasa Arab) yang dipelajari oleh pelajar mempunyai unsur pertalian atau perkaitan dengan bahasa ibunda. Perkara ini dapat dilihat melalui ungkapan beliau seperti yang berikut:

"وَقَدْ تَكُونُ اللُّغَةُ الْوَسِيطَةُ هِيَ اللُّغَةُ الْأُمُّ عِنْدَ الدَّارِسِينَ. وَقَدْ تَكُونُ لُغَةً ثَانِيَةً مُشْتَرَكَةً بَيْنَهُمْ مَعَ تَفَاوُتٍ فِي لُغَاتِهِمْ الْأُمُّ" [5].

Maksudnya: Kadang-kadang bahasa pengantar yang digunakan dalam pembelajaran ialah bahasa ibunda dalam kalangan pelajar. Kadang-kadang juga bahasa kedua dikombinasikan dengan bahasa ibunda dengan kecenderongan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran.

Justeru, pengkaji berpandangan bahawa berdasarkan penjelasan Tu'aimah terhadap isu penggunaan bahasa perantaraan dalam pembelajaran bahasa Arab turut melibatkan pembinaan bahan pembelajaran yang terdiri daripada teks-teks pembelajaran mestilah mengambil kira aspek bahasa perantaraan. Perkara ini penting kerana pengaruh bahasa perantaraan, seperti bahasa ibunda yang digunakan dalam pembelajaran mampu berperanan membantu menyumbang kefahaman yang cepat kepada pelajar serta dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan terhadap kata pinjaman Arab adalah bertujuan untuk:

3.1 Menganalisis kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu yang diaplikasi dalam buku teks bahasa Arab Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sebagai bahan pembelajaran utama di sekolah.

3.2 Menganalisis kesan penggunaan kata pinjaman Arab terhadap prestasi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang memfokuskan kepada unsur bahasa yang terdiri daripada Kata Pinjaman Arab dalam bahasa Melayu yang terdapat dalam teks pembelajaran bahasa Arab. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis teks pembelajaran bertujuan mengenal pasti kata pinjaman Arab dalam teks pembelajaran. Data kajian diambil daripada Buku Teks Bahasa Arab Tingkatan Tiga (BTBA T3) KBSM yang diguna pakai mulai tahun 2010 di sekolah menengah seluruh Malaysia. Sebanyak 20 teks pembelajaran yang terdiri daripada teks bacaan utama dan teks bacaan luas telah dijadikan data kajian untuk dianalisis. Bagi tujuan memudahkan proses penganalisan data, teks pembelajaran tersebut diberikan kod "TPA" yang merujuk kepada "Teks Pembelajaran Arab". Manakala kaedah lapangan menggunakan soal selidik telah dilaksanakan terhadap 50 orang guru yang mengajar di sekolah agama Negeri Sembilan bagi mendapatkan maklum balas terhadap kesan penggunaan kata pinjaman dalam teks pembelajaran.

5. KERANGKA TEORI

Pembinaan kerangka analisis data adalah berlandaskan kepada prinsip pembentukan dan penggunaan kosa kata bahasa Melayu yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (1991), bahawa pembentukan dan penggunaan perbendaharaan kata sesuatu bahasa adalah terdiri daripada kata nahuan dan kata leksis. Apa yang dimaksudkan dengan kata leksis dalam bahasa Melayu ialah perbendaharaan kata yang boleh ditakrifkan dari segi maknanya. Kata leksis ini boleh dimasukkan dalam beberapa kategori yang tertentu, iaitu kata nama, kata ganti nama, kata bilangan, kata kerja, kata sifat, dan kata adverba [6].

Berdasarkan prinsip pembentukan bahasa Melayu tersebut, sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu terbentuk melalui kata pinjaman Arab. Kata pinjaman daripada bahasa Arab merupakan kumpulan yang terbesar dalam kata-kata yang dibawa dari luar alam Melayu. Menurut Asmah Haji Omar (1991), beliau telah menggariskan bahawa kosa kata Melayu yang terbentuk melalui Kata Pinjaman Arab terbahagi kepada dua jenis, iaitu (i) kosa kata yang sudah menjadi kebiasaan dalam penggunaan bahasa Melayu. Kosa kata jenis ini terdiri daripada kata yang digunakan dalam komunikasi seharian, juga kata-kata yang merupakan istilah agama Islam [7].

Istilah keagamaan ini merupakan istilah menjadi kebiasaan orang Melayu Islam kerana sentiasa berhadapan dengannya. Antara contoh istilah tersebut termasuklah "*nabi, wali, zakat, syarat, tawhid, salih, rukun, halal, haram, khabar, ya'ni, hakikat*". Manakala kata pinjaman jenis kedua pula adalah (ii) kosa kata yang kurang biasa digunakan oleh pengguna bahasa Melayu. Kosa kata jenis kedua ini merupakan kata-kata atau istilah keagamaan dalam bentuk gaya bahasa yang bersifat lebih 'teknikal'. Jelasnya, kosa kata ini terdiri daripada kata-kata yang kurang biasa dan jarang digunakan dalam penggunaan bahasa Melayu sehari-hari. Kata-kata tersebut merupakan istilah keagamaan pada peringkat yang lebih tinggi daripada jenis pertama dengan mengekalkan kata pinjaman bahasa Arab dalam bentuk struktur asalnya. Antara contoh kata-kata istilah tersebut termasuklah "*thabit, mutawatir, jawhar, dharuri, tawajjuh, istidlali, mashaf, jamad, khilafat*" [8].

6. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam penyelidikan ini, kata pinjaman Arab yang dimaksudkan ialah perkataan Arab yang telah dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu. Perkataan pinjaman Arab ini adalah terdiri daripada kata nama dan istilah-istilah agama yang telah diiktiraf sebagai bahasa Melayu secara rasmi sebagaimana yang termaktub dalam Kamus Dewan (2005) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kata pinjaman Arab ini digunakan secara meluas sama ada dalam penulisan, pertuturan, dan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Menurut Asmah Haji Omar (1991), kata pinjaman Arab ternyata telah menjadi sebahagian daripada budaya kehidupan orang Melayu. Ini adalah disebabkan orang Melayu sudah biasa dengan bunyi-bunyi bahasa Arab, sama ada mereka mengetahui bahasa itu atau tidak. Jika mereka tidak mengetahui bahasa itu, bunyi bahasa berkenaan turut menjadi kebiasaan bagi mereka melalui pembacaan ayat-ayat suci al-Quran. Di samping itu juga, ejaan Jawi turut mempertahankan

huruf (fonem) Arab dalam mengeja kata pinjaman daripada bahasa Arab sama ada dalam penulisan ataupun pembacaan bahasa Melayu [9].

Pembentukan istilah-istilah yang baharu hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang terdapat dalam sistem dan struktur yang sudah menguasai bahasa yang berkenaan. Peraturan-peraturan itu terdiri daripada kaedah dan peraturan aspek fonologi yang digambarkan oleh ejaan, dan peraturan leksikal yang digambarkan oleh penggunaan kata berserta maknanya dalam konteks yang betul, yakni konteks ilmu, konteks wacana atau konteks yang menampungnya, atau juga dalam konteks sosial [10].

6.1 Kata Pinjaman Arab (KPA)

Kata Pinjaman Arab (KPA) terdiri daripada dua jenis, iaitu Kata Arab Melayu (KAM) merupakan perkataan Arab yang telah dimelayukan dan Kata Arab Kekal (KAK) merupakan perkataan Arab yang dikekalkan struktur dan sebutannya dalam bahasa Melayu. KAM merupakan perkataan pinjaman Arab yang dimelayukan dan digunakan dalam komunikasi seharian yang terdiri daripada kata nama am dan istilah keagamaan dalam urusan agama Islam. Perkataan ini sememangnya diketahui umum serta menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat Melayu yang digunakan secara meluas dalam komunikasi seharian melalui percakapan dan penulisan.

Manakala Kata Arab Kekal (KAK) pula merupakan perkataan Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu yang juga terdiri daripada kata nama am dan istilah keagamaan yang lebih tinggi daripada jenis pertama. Perkataan ini diambil dan digunakan dalam bentuk gaya bahasa yang bersifat “teknikal” daripada bahasa Arab dengan mengekalkan KPA dalam bentuk asal perkataan tersebut. Menurut Norazlinda (2004), kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah meninggalkan kesan terhadap bahasa Melayu, iaitu penggunaan perbendaharaan kata bahasa Arab terutama yang berkaitan dengan istilah agama. Walau bagaimanapun, perkataan ini terdiri daripada kosa kata pinjaman yang kurang biasa dalam masyarakat Malaysia dan jarang digunakan dalam bahasa Melayu sama ada secara percakapan mahupun penulisan, tetapi KAK ini kebiasaannya digunakan dalam konteks yang melibatkan aspek agama Islam dan istilah keagamaan.

Penggunaan leksikal Melayu dalam teks pembelajaran Arab adalah terdiri daripada Kata Pinjaman Arab (KPA). Analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa kedua-dua jenis KPA, iaitu Kata Arab Melayu (KAM) dan Kata Arab Kekal (KAK) merupakan unsur pengaruh konteks tempatan yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab KBSM. KPA ini telah digunakan sebagai bahan pembelajaran Arab di sekolah. Dapatan analisis dinyatakan seperti Jadual 1 yang berikut:

Kategori	Jenis	Bilangan	Peratus
Kata Arab Melayu (KAM)	Kata Nama Khas (KNK)	19	10.7%
	Kata Nama Am (KNA)	107	60.1%
Kata Arab Kekal (KAK)	Kata Nama Khas (KNK)	-	-
	Kata Nama Am (KNA)	52	29.2%
Jumlah		178	100%

Jadual 1: Analisis Kata Pinjaman Arab

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, KPA daripada jenis KAM mencatat jumlah sebanyak 126 unsur, iaitu mewakili (70.8%), manakala KPA daripada jenis KAK mencatat jumlah sebanyak 52 unsur, iaitu mewakili (29.2%). Unsur KAM adalah terdiri daripada kata nama am dan kata istilah yang biasanya digunakan dalam konteks agama Islam.

6.1.1 Kata Arab Melayu (KAM)

Kata Arab Melayu (KAM) merupakan kosa kata yang sudah menjadi kebiasaan dalam penggunaan bahasa Melayu. Kosa kata jenis ini terdiri daripada perkataan yang digunakan dalam komunikasi seharian serta juga perkataan yang merupakan istilah dalam agama Islam. Istilah keagamaan dalam kategori ini merupakan istilah yang diketahui dan menjadi kebiasaan kepada orang Melayu Islam dalam kehidupan seharian. KAM sudah

menjadi bahasa ibunda yang digunakan secara meluas dalam urusan seharian masyarakat Melayu secara rasmi di pejabat-pejabat kerajaan atau tidak rasmi, iaitu melalui percakapan dan juga melalui penulisan bahan bacaan, akhbar, iklan, media massa, seperti; televisyen, siaran radio, laman sesawang, laman sosial, dan sebagainya. Kos kata bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh perkataan bahasa Arab, merujuk kepada kenyataan Asmah Haji Omar (1991), kata pinjaman Melayu daripada bahasa Arab merupakan kumpulan yang terbesar daripada kata-kata yang di bawa dari luar alam Melayu. Oleh yang demikian, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kewujudan KPA dalam bahasa Melayu telah sebatu dalam masyarakat dan digunakan dalam pembinaan teks pembelajaran bagi membantu dan meningkatkan tahap kefahaman serta penguasaan bahasa Arab pelajar [12].

Analisis yang dijalankan mendapati bahawa unsur KPA daripada kategori Kata Arab Melayu (KAM) terbahagi kepada dua (2), iaitu Kata Nama Khas dan Kata Nama Am.

i. Kata Nama Khas (KNK)

Kata Nama Khas (KNK) yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada kata nama orang. Kata nama orang yang digunakan dalam teks pembelajaran wacana Arab kebanyakannya melibatkan nama orang Melayu yang beragama Islam. Nama-nama orang Melayu kebiasaannya diambil daripada nama-nama orang Arab yang beragama Islam disebabkan oleh pengaruh agama Islam dalam masyarakat Malaysia. Nama-nama ini telah diiktiraf sebagai kata nama Melayu yang sering diguna pakai dan sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Malaysia. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks bahasa jenis KNK bagi kategori kata nama orang adalah dinyatakan seperti pada Jadual 2 yang berikut:

Teks	Perkataan Arab	Perkataan Melayu	Bilangan
TPA-1	أحمد، عمر، نجوى	Ahmad, Umar, Najwa	3
TPA-2	عبدالكريم، عبدالقادر	Abdul Karim, Abdul Kadir	2
TPA-3	علي، أمينة، أحمد	Ali, Aminah, Ahmad	3
TPA-6	مريم	Mariam	1
TPA-7	عبدالحامد	Abdul Hamid	1
TPA-15	عبدالفتاح، فؤاد	Abdul Fatah, Fuad	2
TPA-16	عبدالرحمن، عبدالحامد	Abdul Rahman, Abdul Hamid	2
TPA-18	عبدالله، أحمد	Abdullah, Ahmad	2
TPA-19	حمدي، عبدالرحمن، سلوى	Hamdi, Abdul Rahman, Salwa	3
Jumlah			19

Jadual 2: Analisis Kata Nama Khas

Penggunaan KAM bagi jenis kata nama khas daripada kategori kata nama orang dalam teks pembelajaran bahasa Arab dapat dilihat pada petikan teks yang berikut:

Contoh 1, TPA3 - Tajuk: التَعَاوُنُ فِي تَنْظِيفِ الْفَصْلِ

"فَقَامَ عَلِيٌّ وَأَصْدِقَاؤُهُ مَاعِي لِيْنَ وَرَنَجِيْتِ وَأَمِيْنَةُ وَأَحْمَدُ بِالتَّعَاوُنِ فِي تَنْظِيفِ الْفَصْلِ"

Berdasarkan kepada contoh 1 di atas, perkataan [عَلِيٌّ] dalam bahasa Melayu "Ali", [أَحْمَدُ] dalam bahasa Melayu "Ahmad" merupakan kata nama bagi orang Melayu lelaki, dan [أَمِيْنَةُ] dalam bahasa Melayu "Aminah" adalah kata nama bagi orang Melayu perempuan yang merupakan kata nama khas daripada jenis KAM. Ketiga-tiga kata nama khas ini adalah kata nama orang daripada nama-nama orang Melayu yang sudah menjadi satu kebiasaan dan digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia.

ii. Kata Nama Am (KNA)

Kata Nama Am (KNA) adalah merujuk kepada kata nama selain daripada kata Nama Khas dalam bahasa Melayu. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, unsur pengaruh konteks bahasa jenis KNA dinyatakan seperti Jadual 3 yang berikut dengan merujuk kepada Kamus Dewan [13]:

Teks	Perkataan Arab	Perkataan Melayu	Bilangan
TPA-1	الْخَمِيسُ، السَّبْتُ	khamis, sabtu	2
TPA-2	النِّسْبَةُ، رِسَالَةٌ، آخِرًا، نَجِيَّةٌ	nisbah, risalah, akhir, tahiyyat	4
TPA-3	لَا زَمَّ، الْخَمِيسُ، الْوَقْتُ، تَرْتِيبٌ، الْخَاصُّ، الْعَمَلُ، السُّلْطَانُ	lazim, khamis, waktu, tertib, khas, amal, sultan	7
TPA-4	أُمٌّ، أَوَّلًا	umi, awal	2
TPA-5	أَسَاسٌ، خُطْبَةٌ، حَيَاةٌ، الْعِلْمُ، كَامِلًا، الرُّوحِيَّةُ، شَرْحٌ، الْوَاجِبَاتُ، الْوَقْتُ، آخِرٌ	asas, khutbah, hayat, ilmu, kamil, roh, syarah, wajib, waktu, akhir	10
TPA-6	مِثَالِيَّةٌ، دَرَجَةٌ، وَقْتُ، عِبَادَةٌ، رَاحَةٌ، رِيَاضَةٌ، وَاجِبٌ، آخِرٌ، يَقِينٌ، شَرْطٌ، أَوَّلٌ، وَوِلَايَةٌ	mithali, darjah, waktu, ibadah, rehat, riadah, wajib, akhir, yakin, syarat, awal, wilayah	12
TPA-7	الرِّيَاضَةُ، خَاصٌ، الْعَقْلُ، الْآخِرُ، الْهَدَايَا	riadah, khas, akal, akhir, hadiah	5
TPA-8	الْعَالَمُ، الرِّيَاضَةُ، الْجَدْوَلُ، تَرْتِيبٌ، جُمْلَةٌ	alam, riadah, jadual, tertib, jumlah	5
TPA-9	الْخَبَرُ، الْكِتَابُ، الْعَالَمُ، ثَانِي، الْأَفْلَامُ، الْإِنْسَانُ، وَجُودٌ، الدَّرَجَةُ، الْمَعْلُومَاتُ، الْمَفَاهِمُ	khobar, kitab, ilmu, thani, filem, insan, wujud, darjah, maklumat, mafhum	10
TPA-10	الْمَعْلُومَاتُ، الْعَالَمُ	maklumat, alam	2
TPA-11	خَاصَّةٌ، لَذِيذَةٌ، وَطَنٌ، مَشْهُورٌ	khas, lazat, watan, masyhur	4
TPA-12	الْخَاصَّةُ، الْمَشْهُورَةُ، وَوِلَايَةٌ	khas, masyhur, wilayah	3
TPA-13	السَّيِّخُ، رَحْمَةٌ، حَيَوَانٌ	syekh, rahmat, haiwan	3
TPA-14	الصَّحْرَاءُ، وَاحِدٌ، عَمَلٌ	sahara, wahid, amal	3
TPA-15	حَالٌ، الْخَمِيسُ، زِيَارَةٌ، خُطْبَةٌ، نِعْمَةٌ، الْأُمَّةُ، مَسْجِدٌ، النَّشِيدُ	hal, khamis, ziarah, khutbah, nikmat, umat, masjid, nasyid	8
TPA-16	وَطَنٌ، الْمَرْحُومُ، أَوَّلُ، السُّلْطَانُ، وَوِلَايَةٌ	watan, marhum, awal, sultan, wilayah	5
TPA-17	مَشْهُورَةٌ، الْخَاصِلُ، ظَهَرَ، الْمَاهِرُ، مُنَاسِبٌ، الْعَمَلُ،	masyhur, hasil, zahir, mahir munasabah, amal,	6
TPA-18	الْحَلَالُ، الْإِسْلَامِيَّةُ، خِدْمَةٌ، أَحَدٌ، مَفْهُومٌ، الشَّرْعِيَّةُ، الْحَلْوَى، خَاصَّةٌ، مِثْلُ	halal, Islam, khidmat, ahad, mafhum, syariah, halwa, khas, misal	9
TPA-19	حَالٌ، زَمَانٌ، مُسَافِرٌ، زِيَارَةٌ، أَقْرَابٌ، السَّلَامَةُ	hal, zaman, musafir, ziarah, karib, selamat	6
TPA-20	نَتِيجَةٌ	natijah	1
Jumlah			107

Jadual 3: Analisis Kata Nama Am dalam TPA

Antara unsur konteks bahasa daripada jenis KNA melibatkan aspek KAM yang telah dikenal pasti dalam teks pembelajaran adalah seperti contoh petikan teks di bawah:

Contoh 2, TPA18 - Tajuk: مُنْتَدَى الْحَلَالِ الدُّوَلِيِّ فِي مَالِيْزِيَا
 "بَيْنَ أَحَدٍ مِنَ الْمَخَاصِرِينَ أَنَّ مَفْهُومَ مُنْتَجَاتِ الْحَلَالِ لَمْ يَتَوَقَّفَ عَلَى عِبَارَةِ "ذَبْحٌ عَلَى الطَّرِيقَةِ الشَّرْعِيَّةِ" بَلْ اِمْتَدَّ إِلَى مُسْتَحْضِرَاتِ التَّجْمِيلِ وَالْجُلُودِ وَالْحَلْوَى ..."

Berdasarkan kepada contoh 2 di atas, perkataan [أَحَدٌ], [مَفْهُومٌ], dan [الْحَلْوَى] adalah KNA daripada jenis KAM. Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), perkataan [أَحَدٌ] dalam BM "ahad" (p.16) memberi makna satu atau esa, iaitu *Allahu Ahad*. Manakala perkataan [مَفْهُومٌ] dalam BM "mafhum" (p.973) memberi makna sudah mengerti atau sudah memahami. Perkataan [الْحَلْوَى] pula dalam BM "halwa" (p.504) memberi makna penganan (sejenis kuih) yang manis diperbuat daripada tepung gandum, minyak sapi, dan gula. Perkataan [الْحَلَالُ] dan [الشَّرْعِيَّةُ] adalah dua perkataan Arab yang merupakan istilah agama daripada jenis KAM. Menurut Kamus Dewan (2005), perkataan [الْحَلَالُ] dalam BM "halal" (p.502) dengan tulisan jawi [الحلال] bermaksud hukum yang membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan dalam Islam dan diizinkan oleh syarak. Manakala perkataan [الشَّرْعِيَّةُ] dalam BM "syariah" (p.1559) dengan tulisan jawi [شرعية] bermaksud perundangan Islam. Mahkamah Syariah menguruskan perkara-perkara yang berkaitan perundangan Islam, dan institusi kekeluargaan Islam. Kedua-dua istilah agama ini sering digunakan oleh masyarakat Malaysia melalui percakapan dan penulisan dalam bahasa Melayu yang melibatkan syariat Islam.

Contoh 3, TPA6 - Tajuk: مَرِيْمٌ طَالِبَةٌ مِثَالِيَّةٌ
"وَهِيَ طَالِبَةٌ شَاطِرَةٌ، تَنْظُمُ أَوْقَاتَهَا تَنْظِيمًا دَقِيقًا. وَتُحَصِّصُ وَقْتًا لِلْمَذَاكِرَةِ، وَاللِّعَادَةِ، وَالرَّاحَةِ، وَمُمَارَسَةِ الْهَوَايَةِ وَالرِّيَاضَةِ.
أَنَّهَا لَا تُضَيِّعُ وَقْتَهَا وَلَا تُؤَجِّلُ وَاجِبًا مِنْ وَاجِبَاتِهَا. وَلَا تَنْتَظِرُ إِلَى أَوَاخِرِ مَوْعِدِ الْإِمْتِحَانِ لِلْمُرَاجَعَةِ"

Berdasarkan kepada contoh 3 di atas, perkataan [وَقْتُتْ], [الْعِبَادَةُ], [الرَّاحَةُ], [الرِّيَاضَةُ] dan [وَاجِبًا] adalah kata nama am daripada jenis KAM. Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), perkataan [وَقْتُتْ] dalam BM “waktu” (p.1797) memberi makna masa, perkataan [الْعِبَادَةُ] dalam BM ialah “ibadat” (p.556) memberi makna amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada Tuhan, perkataan [الرَّاحَةُ] pula dalam BM ialah “rahat” (p.1268) memberi makna rehat atau beristirahat, dan perkataan [الرِّيَاضَةُ] dalam BM ialah “riadah” (p.1328) membawa maksud latihan gerak badan atau senaman. Manakala perkataan [وَاجِبًا] dalam BM ialah “wajib” (p.1795) yang memberi maksud hukum suruhan dalam Islam yang sepatutnya atau semestinya dilakukan dengan mendapat pahala, dan jika ditinggalkan berdosa. Perkataan wajib merupakan salah satu istilah agama yang digunakan dalam penulisan dan percakapan masyarakat Melayu, seperti wajib menunaikan solat fardhu.

Perkataan-perkataan ini adalah terdiri daripada kata nama am dan istilah agama daripada jenis KAM. Kata nama am digunakan dalam komunikasi atau percakapan seharian masyarakat Malaysia, manakala istilah-istilah agama pula biasanya digunakan terutama pada aspek yang melibatkan unsur-unsur agama dan syariah Islam. KAM tersebut telah diiktiraf sebagai kosa kata Melayu seperti mana termaktub dalam Rujukan Persuratan Melayu dan merupakan unsur konteks tempatan yang dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Malaysia. Kewujudan KAM dalam teks pembelajaran wacana Arab memberi kesan dan impak yang besar terhadap pembelajaran wacana Arab kerana perkataan ini sering digunakan dalam persekitaran kehidupan seharian pelajar dan para pelajar sudah tidak asing dengan perkataan ini. Perkara ini diperkukuhkan dengan kenyataan Arif Karkhi (1996), menurut beliau proses pembelajaran menjadi lebih efektif dan berkesan sekiranya situasi pembelajaran dan penggunaan bahan pembelajaran mempunyai perkaitan dengan kehidupan dan konteks persekitaran yang dialami oleh pelajar. Justeru, dalam pembinaan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing, faktor pengaruh bahasa ibunda perlu diambil kira bagi memastikan proses pembelajaran menjadi lebih baik dan berkesan [14].

Dalam konteks bahasa Melayu, terutama yang melibatkan istilah-istilah agama penulisan perkataan-perkataan ini boleh dilakukan melalui dua sistem penulisan, iaitu dengan tulisan huruf roman dan tulisan huruf jawi. Huruf-huruf jawi mempunyai banyak persamaan dengan huruf-huruf Arab, dan mempunyai persamaan dari aspek penulisan terutama dalam penulisan istilah-istilah agama yang diambil daripada bahasa Arab. Penggunaan dua jenis huruf dalam penulisan adalah salah satu daripada ciri-ciri keistimewaan yang ada pada bahasa Melayu. Penggunaan tulisan jawi ini dibuktikan menerusi penulisan kitab-kitab Melayu pada masa dahulu yang ditulis oleh cendekiawan Islam Tanah Melayu menggunakan tulisan jawi. Kitab-kitab tersebut digunakan dalam sistem pengajian di pondok, masjid, surau, dan madrasah-madrasah yang memberi fokus kepada pengajian yang berkonsepkan agama Islam, bahasa Arab, peraturan, undang-undang serta hukum-hukum dalam menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim.

Oleh yang demikian, penggunaan tulisan jawi dalam bahasa Melayu telah memberi kesan terhadap pembelajaran wacana Arab terutamanya KAM yang terdiri daripada istilah-istilah agama. Justeru, dalam pembelajaran wacana Arab, unsur KAM yang terdiri daripada istilah agama yang digunakan dalam bahasa Melayu merupakan salah satu daripada unsur konteks tempatan yang mampu mempengaruhi kefahaman dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah. Kewujudan unsur KAM yang terdiri daripada istilah-istilah agama ini juga mampu mempengaruhi minat pelajar dan mendorong motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan ianya sudah menjadi kebiasaan kepada masyarakat Malaysia terutama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan keagamaan dalam kehidupan.

6.1.2 Kata Arab Kekal (KAK)

Kata Arab Kekal (KAK) merupakan jenis kedua daripada KPA yang merupakan unsur pengaruh konteks tempatan dalam pembelajaran wacana Arab. KAK adalah kosa kata yang kurang biasa digunakan oleh pengguna

bahasa Melayu. Kosa kata ini merupakan kata-kata atau istilah keagamaan dalam bentuk gaya bahasa yang berbentuk “teknikal” dari segi pembentukan dan penggunaannya. Jelasnya, kosa kata ini terdiri daripada kata-kata yang kurang biasa dan jarang digunakan dalam penggunaan bahasa Melayu sehari-hari. Kata-kata tersebut merupakan istilah keagamaan pada peringkat yang lebih tinggi daripada jenis pertama dengan mengekalkan kata pinjaman bahasa Arab dalam bentuk struktur asalnya.

Analisis yang dijalankan mendapati bahawa unsur KPA daripada kategori Kata Arab Kekal (KAK) terbahagi kepada satu (1) bahagian sahaja, iaitu Kata Nama Am (KNA).

i. Kata Nama Am (KNA)

Dapatan analisis unsur KAK dalam teks pembelajaran Arab dinyatakan secara terperinci seperti pada Jadual 4 yang berikut:

Teks	Perkataan Arab	Perkataan Melayu	Bilangan
TPA-1	الْمَدْرَسَةُ، الْجَوَارِ	madrasah, hiwar	2
TPA-2	مُرَاجَعَةُ، الْوَطَنِي، الْمُخْلِصُ	murajaah, watani, mukhlis	3
TPA-3	الْأَمْرُ، مَدْرَسَةُ، الْوَطَنِيَّةُ،	amar, madrasah, wataniah,	3
TPA-4	الْمُبَارَكُ، الْأَمْرُ، الْبَيْتُ،	mubarak, amar, bait	3
TPA-5	الْإِجْتِهَادُ، الْإِجْتِمَاعُ، حَيَاةُ، مُذَاكِرَةٌ، الْإِسْتِقَامَةُ،	Ijtihad, hayat, ijtimak, muzakarah, istiqamah,	5
TPA-6	الْإِجْتِهَادُ، مُعَلِّمٌ، مُرَاجَعَةٌ، مُذَاكِرَةٌ، مَدْرَسَةٌ، يَوْمٌ، الْوَطَنِيَّةُ، الدِّيْنِيَّةُ، الْإِحْتِفَالُ	ijtihad, muallim, murajaah, muzakarah, madrasah, yaum wataniah, diniyyah, ihtifal	9
TPA-7	مَدْرَسَةُ، الْوَطَنِيَّةُ، مُدِيرٌ، حَتَّى،	madrasah, wataniah, mudir, hatta,	4
TPA-8	حَسَبَ	Hasab	1
TPA-9	السِّيَاسَةُ، الْحَيَاةُ	siasah, hayat	2
TPA-10	عَمَلِيَّةُ، الْجَوَارِ	amaliah, hiwar	2
TPA-11	الْجَوَارِ، مَعْرُوفٌ	hiwar, makruf	2
TPA-12	مُجْتَمَعٌ، مَعْرُوفٌ، إِخْتِلَافٌ، كَيْفِيَّةٌ	mujtamak, makruf, ikhtilaf, kaifiat	4
TPA-13	وَالِدٌ، ثَانِي، الضَّعِيفُ	walid, thani, dhoif	3
TPA-14	وَحْدَهُ، حَتَّى	wahdah, hatta	2
TPA-15	مَرْكَزٌ، الْوَطَنِي، الْمُجَاهِدِينَ	markaz, watani, mujahidin	3
TPA-16	مَعْرُوفٌ	Makruf	1
TPA-17	الْمُتَوَسِّطَةُ	Mutawassitah	1
TPA-18	الْمَصْدَرُ	Masdar	1
TPA-19	-	-	0
TPA-20	حَضَارَةٌ	Hadharah	1
	Jumlah		52

Jadual 4 : Unsur Kata Pinjaman Arab Kategori KAK

Berdasarkan kepada jadual 4 di atas, analisis yang dijalankan mendapati bahawa unsur pengaruh konteks tempatan daripada KAK dalam teks pembelajaran wacana Arab ialah sebanyak 52 perkataan. Daripada jumlah tersebut, TPA-6 mencatat jumlah dapatan yang terbesar, iaitu sebanyak tujuh (7) perkataan. Walau bagaimanapun, KPA daripada jenis KAK tiada ditemui dalam TPA19. KAK merupakan unsur KPA yang terdiri daripada kata nama am dan istilah agama Islam, seperti yang terdapat pada KAM. Akan tetapi, istilah agama Islam dalam jenis KAK bersifat lebih teknikal dengan dikekalkan struktur bahasa asal, iaitu bahasa Arab pada perkataan tersebut.

Penggunaan KPA daripada jenis KAK dalam pembelajaran wacana Arab dapat dilihat pada contoh petikan teks seperti yang berikut:

Contoh 4: TPA5 - Tajuk: *الْإِجْتِهَادُ أَسَاسُ النِّجَاحِ*

"أَوْدُ أَنْ أَضَحَّ بَعْضُ خَطُوتِ مُهَمَّةٍ لِتَحْقِيقِ أَهْدَافِنَا الْمَرْسُومَةِ. أَوَّلًا: الْإِسْتِعْدَادُ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ إِسْتِعْدَادًا كَامِلًا سِوَاءَ مَنْ الْجِهَةِ الرَّوْحِيَّةِ أَوْ الْمَادِيَّةِ. ثَانِيًا: الْمَطَالَعَةُ وَمَذَاكِرَةُ الدُّرُوسِ بِالْإِتْقَانِ وَالْإِسْتِقَامَةِ"

Berdasarkan kepada contoh 4 di atas, perkataan [المطالعة], [مذآكره], dan [الاستقامة] adalah kata nama am daripada jenis KAK. Penggunaan perkataan ini dalam bahasa Melayu dikekalkan seperti mana bentuk dan struktur asal ejaannya. Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), perkataan [المطالعة] dalam BM "mutalaah" (p.1061) memberi makna perihal menyelidiki, mempelajari, dan perihal membaca. Manakala perkataan [مذآكره] dalam BM "muzakarah" (p.1062) memberi makna perbincangan atau pertukaran pendapat tentang sesuatu masalah. Perkataan [الاستقامة] pula dalam BM "istiqamah" (p.592) memberi makna ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara sederhana tetapi terus menerus termasuk urusan agama.

Contoh 5: TPA12 - Tajuk: مَا أَلَدَّ طَعَامَنَا
 "إِنَّ الْمُجْتَمَعَ الْمَالِيزِيَّ لَيْسَ مَعْرُوفٌ بِتَنَوُّهِ عَنِ التَّقَافِي بَلْ بِوَجَبَاتِهِ الْمُتَعَدِّدَةِ وَأَطْعَمَتِهِ الْخَاصَّةِ. تُوجَدُ عِدَّةُ الْأَنْوَاعِ مِنَ الْمَأْكُولَاتِ الشَّعْبِيَّةِ وَالاخْتِلَافِ كَثِيفَةً إِعْدَادِيًّا"

Merujuk kepada contoh 5 di atas, perkataan [المجتمع] dan [معرُوف] adalah kata nama am daripada jenis KAK. Dalam konteks bahasa Melayu, penggunaan perkataan ini adalah dengan keadaan dan bentuk asalnya sama ada melalui sebutan ataupun tulisan. Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), perkataan [المجتمع] dalam BM "mujtamak" (p.1049) bermaksud masyarakat atau pergaulan hidup. Manakala perkataan [معرُوف] dalam BM "makruf" (p.984) memberi makna ketahuan, terkenal atau masyhur, perbuatan baik, seperti "amal makruf". Perkataan [اختلاف] dan [كثيفة] pula adalah kata nama istilah dalam jenis KAK yang digunakan dalam perkara yang berbentuk keagamaan. Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), perkataan [اختلاف] dalam BM "ikhtilaf" (p.564) memberi makna perbezaan faham (pendapat) mengenai sesuatu perkara, atau hukum-hukum dalam konteks agama, seperti "ikhtilaf ulama fekah dalam menentukan hukum solat jamak". Manakala perkataan [كثيفة] dalam BM "kaifiat" (p.655) membawa makna syarat dan tertib yang perlu dipenuhi untuk mengesahkan sesuatu amalan yang dikerjakan atau cara yang khusus dalam melakukan sesuatu ibadah, seperti "kaifiat mengerjakan solat Jamak Takdim atau Jamak Takhir".

Perkara ini berlaku disebabkan kosa kata bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab yang dibawa oleh para pedagang Arab yang beragama Islam ketika berdagang ke Tanah Melayu semenjak kurun ke-15 Masihi. Perkara ini dibuktikan oleh Ismail Hussein (1966), beliau menyatakan bahawa bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab yang dianggap sebagai pengaruh terbesar dalam bahasa Melayu [15]. Manakala Skinner dalam Zainur Rijal dan Rosni Samah (2007) pula menjelaskan bahawa pengaruh bahasa Arab yang paling besar ke atas bahasa Melayu ialah dari aspek perbendaharaan kata [16]. Justeru, KPA merupakan salah satu unsur pengaruh konteks tempatan yang berperanan dalam mempengaruhi serta memberikan impak terhadap proses pembelajaran wacana Arab, khususnya kepada para pelajar sekolah dalam memahami makna perkataan Arab dan ayat.

6.2 Kesan Penggunaan Kata Pinjaman Arab

Analisis soal selidik yang dilaksanakan terhadap 50 responden adalah bertujuan untuk mendapatkan penjelasan terhadap kesan penggunaan kata pinjaman Arab dalam pembelajaran Arab di sekolah. Bagi tujuan ini, sebanyak (5) lima item telah dianalisis. Hasil analisis dipaparkan seperti pada jadual 5 yang berikut:

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Peratus		
				Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju
1.	Perkataan Melayu asli terdapat dalam penulisan teks pembelajaran bahasa Arab sekolah.	4.24	0.69	45 (90%)	4 (8%)	1 (2%)
2.	Kata pinjaman Melayu daripada bahasa Arab terdapat dalam penulisan bahan buku teks sekolah.	4.30	0.67	46 (92%)	3 (6%)	1 (2%)
3.	Kata pinjaman Melayu daripada bahasa Arab	4.20	0.67	45	4	1

	merangkumi perkataan, frasa, dan istilah.			(90%)	(8%)	(2%)
4.	Penggunaan perkataan Melayu asli dalam teks Arab menjadikan proses pembelajaran lebih mudah.	4.30	0.76	45 (90%)	3 (6%)	2 (4%)
5.	Kosa kata Arab yang dimelayukan dapat membantu meningkatkan prestasi penguasaan bahasa Arab pelajar.	4.20	0.83	41 (82%)	7 (14%)	2 (4%)
	Purata keseluruhan	4.25	0.72	88.8	8.4	2.8

Jadual 5: Analisis Penggunaan Kata Pinjaman Arab

Berdasarkan Jadual 5 di atas, analisis yang dijalankan mendapati bahawa responden telah menyatakan tahap setuju terhadap item 2, iaitu “kata pinjaman Melayu daripada bahasa Arab terdapat dalam penulisan bahan buku teks sekolah” yang mencatat skor min tertinggi, iaitu (4.30) dengan sisihan piawai (0.67). Dari segi peratusan pula, didapati seramai 46 orang responden, iaitu mewakili (92%) menyatakan tahap setuju dengan kenyataan ini. Daripada keseluruhan responden didapati hanya seorang sahaja, iaitu mewakili (2%) yang menyatakan tidak setuju, manakala tiga orang responden menyatakan tidak pasti, iaitu mewakili (6%) dengan kenyataan ini.

Hasil dapatan diikuti dengan item 4, iaitu “penggunaan perkataan Melayu asli dalam teks Arab menjadikan proses pembelajaran lebih mudah” yang turut mencatat skor min tertinggi, iaitu (4.30) dengan sisihan piawai (0.76). Walau bagaimanapun, dari segi peratusan didapati bilangan responden terhadap item ini adalah lebih rendah, iaitu seramai 45 responden mewakili (90%) yang menyatakan setuju dengan kenyataan ini. Diikuti pula dengan item 1, iaitu “perkataan Melayu asli terdapat dalam penulisan teks pembelajaran bahasa Arab sekolah” yang mencatat skor min (4.24) dengan sisihan piawai (0.69). Dari segi peratusan pula, didapati seramai 45 orang responden, iaitu mewakili (90%) menyatakan setuju dengan kenyataan ini.

Seterusnya dapatan analisis diikuti dengan item 3, iaitu “kata pinjaman Melayu daripada bahasa Arab merangkumi perkataan, frasa, dan istilah” yang mencatat skor min (4.20) dengan sisihan piawai (0.67). Dari segi peratusan pula, didapati seramai 45 responden, iaitu mewakili (90%) yang menyatakan setuju dengan kenyataan ini. Manakala item 5, iaitu “kosa kata Arab yang dimelayukan dapat membantu meningkatkan prestasi penguasaan bahasa Arab pelajar” turut mencatat skor min yang sama, iaitu (4.20) dengan sisihan piawai (0.83). Walaupun item 3 dan item 5 mencatat skor min yang sama, namun dari sudut jumlah peratusan item 5 mencatat peratusan yang lebih rendah, iaitu seramai 41 orang responden dengan peratusan sebanyak (82%) yang menyatakan setuju, seramai dua orang responden yang mewakili (4%) yang menyatakan tidak setuju, dan seramai tujuh orang responden, iaitu mewakili (14%) yang menyatakan tidak pasti. Justeru, berdasarkan penjelasan yang diberikan di atas, dapatlah dikatakan bahawa item 5 mencatatkan kedudukan skor yang terendah dalam pertalian pengaruh konteks bahasa ibunda dengan pembelajaran wacana Arab.

Walaupun terdapat tujuh orang responden, iaitu mewakili (14%) yang menyatakan tidak pasti terhadap kenyataan pada item 5, namun berdasarkan kepada pandangan yang diberikan oleh responden menunjukkan mereka bersetuju bahawa kosa kata Arab yang dimelayukan mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar. Pandangan responden terhadap perkara ini dinyatakan seperti contoh yang berikut:

[Responden 4]:

unsur konteks tempatan yang terdiri daripada kata pinjaman Arab yang dimelayukan berperanan untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang sesuatu istilah dan sesuai untuk tujuan pembelajaran bahasa Arab dalam beberapa aspek.

[Responden 8]:

Penggunaan istilah-istilah Arab dan kata pinjaman Melayu dalam bahasa Arab memudahkan pelajar mempelajari bahasa Arab, kerana pelajar boleh mengingati istilah bahasa yang tertentu dengan lebih cepat berdasarkan suasana atau situasi persekitaran tempatan.

[Responden 1 dan 36]:

konteks tempatan yang merangkumi pengaruh bahasa Melayu diperlukan dalam pembinaan teks pembelajaran bahasa Arab kerana para pelajar dapat memahami dengan lebih mudah istilah yang digunakan dalam situasi sekeliling yang berkaitan dengan persoalan semasa dalam mesyarakat.

Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhan konteks bahasa (ibunda) mempunyai pertalian dengan pembelajaran wacana Arab di sekolah dengan mencatat purata skor min sebanyak (4.25) dengan catatan purata sisihan piawai (0.72), iaitu berada pada tahap persetujuan tinggi. Justeru, dapatan soal selidik jelas membuktikan bahawa pengaruh konteks bahasa mempunyai pertalian dengan pembelajaran wacana Arab. Perkara ini demikian kerana perkataan Melayu asli terdapat dalam teks pembelajaran wacana Arab dan kata pinjaman Arab diterapkan dalam pembinaan teks pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Manakala dari aspek pembelajaran bahasa Arab pula, penggunaan kata pinjaman Arab dalam buku teks menjadikan proses pembelajaran lebih mudah serta dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam menguasai bahasa Arab.

7. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan pandangan para sarjana Arab dapatlah dirumuskan bahawa unsur konteks tempatan yang terdiri daripada Kata Pinjaman Arab mempunyai peranan yang amat penting terutama dalam pembelajaran bahasa Arab. Ini adalah kerana unsur kata pinjaman Arab dapat membantu seseorang memahami sesuatu bahasa dan penggunaannya secara praktikal yang dikaitkan dengan fitrah alam dalam situasi sebenar khususnya pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Daripada perbincangan ini dapat disimpulkan seperti berikut:

- i. Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dapat membantu pelajar dalam mempercepatkan penguasaan kemahiran bercakap, membaca dan menulis.
- ii. Kata Pinjaman Arab dalam teks pembelajaran dapat memudahkan mereka mengenali huruf dan perkataan Arab serta memudahkan guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam pembelajaran dapat membantu pelajar memahami dan membina ayat-ayat mudah.

Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam teks pembelajaran ini dapat membantu pelajar menguasai pembelajaran bahasa Arab dari aspek isi kandungan pelajaran, makna, dan kefahaman kosa kata kerana para pelajar sudah biasa dengan perkataan dan merupakan maklumat sedia ada pelajar yang diperolehi melalui pembelajaran, pembacaan, dan komunikasi seharian dalam bahasa Melayu. Justeru, melalui pendekatan ini sedikit sebanyak masalah pembelajaran bahasa Arab yang dihadapi oleh pelajar peringkat permulaan dapat di atasi, malah dari segi psikologi pun mereka merasakan bahawa bahasa Arab itu sebenarnya mudah. Ini merupakan satu tarikan kepada pelajar yang berminat mempelajari bahasa Arab tetapi merasakan bahawa bahasa Arab mempunyai tahap kesukaran yang tinggi. Disamping itu, pendekatan ini boleh membekalkan maklumat kepada pelajar berkaitan asal usul kosa kata yang terdapat dalam kamus bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sayugia dinyatakan bahawa pendekatan pembelajaran ini perlu mematuhi teknik dan kaedah pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing yang telah digariskan oleh pakar-pakar dalam bidang pembelajaran dan pengajaran bahasa tanpa mengabaikan aspek disiplin, tatabahasa, laras bahasa, dan sturuktur ayat yang merupakan dasar dan teras utama sesuatu bahasa.

RUJUKAN

[1] Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah, *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia* (Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007).

[2] Wan Salsa Billa Wan Norudin, *Kata Pinjaman Bahasa Arab di Dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu: Satu Kajian Makna*, Disertasi Sarjana Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

- [3] Pabiyah Hajimaming dan Che Radiah Mezah, Penekanan Aspek Semantik Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu semasa Pengajaran Bahasa Arab. *Pengajaran Bahasa Arab Siri 1*. (Serdang:Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2010) 33-41.
- [4] Azhar Muhammad, *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Skudai, Johor:Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press, 2008).
- [5] Tu'aimah, Rushdi Ahmad, *Ta'lim al-'Arabiyyah li Ghair al-Natiqina Biha:Manahijuhu wa Asalibuhu* (Rabat: Al-Munazamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-'ulum wa al-Thaqafah (ISISCO), 1989).
- [6] Asmah Haji Omar, *Bahasa Melayu Abad Ke-16:Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi* (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- [7] Asmah Haji Omar, *Bahasa Melayu Abad Ke-16:Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi* (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- [8] Asmah Haji Omar, *Bahasa Melayu Abad Ke-16:Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi* (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- [9] Asmah Haji Omar, *Bahasa Melayu Abad Ke-16:Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi* (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- [10] Asmah Haji Omar, *Perkembangan Bahasa Melayu dan Falsafah Pembinaannya*, (Kuala Lumpur:Universiti Malaya, 1983).
- [11] Norazlinda Misran, Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia, *Jurnal Dewan Bahasa* , 6(7), 2004, 49.
- [12] Asmah Haji Omar, *Bahasa Melayu Abad Ke-16:Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi* (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- [13] Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, Edisi Empat (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).
- [14] 'Arif Karkhi Abu Khudairi, Tariqatu T'alim al-Lughat al-'Arabiyyat lil Malayuwiiyin, *Majalah Pengajian Arab*, Bil. 5, Tahun 6, (Kuala Lumpur:Universiti Malaya, 1996).
- [15] Ismail Hussein, *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita* (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966).
- [16] Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah, *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia* (Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007).